

Headline	Masyarakat disaran hargai, hormati kemerdekaan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	27 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	3	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	Patimang Abdul Ghani	AdValue	RM 1,179
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,538



Masyarakat disaran hargai; hormati kemerdekaan ..

Patimang Abdul Ghani

KINABATANGAN: Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuamut Datuk Masiung Banah berharap agar masyarakat khususnya di daerah ini terus menghargai dan menghormati kemerdekaan sebagai lambang kedaulatan Negara.

Masiung berkata, beliau tidak mahu ada individu di daerah ini yang bersikap biadap seolah-olah tidak menghargai atau menghormati lambang dan kedaulatan Negara serta memperlekehkan perjuangan pejuang yang menuntut kemerdekaan 62 tahun yang lalu.

Katanya, sebagaimana yang tular di laman sosial Facebook baru baru ini, iaitu memasang dan mengibarkan jalur gemilang secara terbalik, saya harap di daerah Kinabatangan ini, tiada golongan golongan yang seperti itu.

" Percayalah bahawa nilai kemerdekaan dalam konteks sesebuah negara begitu tinggi nilainya, tanpa kemerdekaan mana mungkin kita boleh melakukan aktiviti harian, bekerja, berniaga, belajar, beriadah dan sebagainya dalam keadaan aman dan harmoni seperti hari ini.

" Apa yang menyedihkan, pada masa ini masih ada segelintir rakyat Malaysia yang masih tidak tahu bagaimana untuk menghargai sebuah kemerdekaan dan keamanan yang telah kita kecapi, katanya.

Masiung berkata demikian ketika berucap sempena program semarak Merdeka Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom) bersama komuniti belia anjuran Esscom dengan kerjasama Persatuan Belia, Jabatan Penerangan Malaysia dan Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) daerah Kota Kinabatangan baru baru ini.

Masiung menyeru kepada semua pihak, khususnya masyarakat di sekitar daerah ini agar sentiasa memberi sokongan padu kepada Esscom dalam membenteras anasir anasir yang boleh mengganggu-gugat keselamatan dan keamanan Negara dengan menjadi mata dan telinga kepada pasukan keselamatan itu.

" Saya berharap melalui penganjuran program ini, masyarakat keseluruhannya khususnya golongan belia di daerah ini, berpeluang dan berkesempatan untuk mengenali dan memahami Esscom secara lebih dekat lagi terutamanya mengenai peranan dan fungsi Esscom di dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan rakyat Sabah khususnya.

" Pihak kerajaan sedang dalam usaha memperkasa peranan dan fungsi Esscom melalui proses penstrukturan semula Esscom dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi keupayaan Esscom di dalam menjaga keselamatan dan

kedaulatan pantai timur Sabah.

" Saya berharap melalui penstrukturan ini, beberapa pembaharuan dan langkah-langkah pragmatik dapat dilaksanakan termasuk mengintegrasikan peranan ketiga-tiga komponen-pasukan keselamatan yang selama ini bernaung di bawah Esscom iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dapat diatur gerak dengan efisien dan teratur serta berupaya mengekalkan formasi unggul bagi sama-sama memastikan keselamatan Sabah.